

Dikemaskini pada 29 Mac 2024

AKAUN HONG LEONG PAY&SAVE TERMA DAN SYARAT (“T&S”) (English Version)

T&S ini hendaklah dibaca bersama-sama secara keseluruhan dengan Terma dan Syarat Am bagi Deposit dan Deposit Perbankan Islam, Terma dan Syarat Kad Debit dan mana-mana terma dan syarat lain yang berkaitan seperti yang mungkin dikenakan oleh **Hong Leong Bank Berhad (“HLB”)** dari semasa ke semasa dengan memberi notis dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu.

Kelayakan

Akaun Hong Leong Pay&Save (“Akaun”) ialah akaun simpanan dan akaun semasa hibrid terbuka kepada individu dan pemilik tunggal (“**Pemegang Akaun**”).

Untuk mengelakkan keraguan, individu merujuk kepada warganegara Malaysia and bukan warganegara Malaysia berumur lapan belas (18) tahun ke atas, sama ada atas nama tunggal atau nama bersama.

1. Individu bukan warga Malaysia tertakluk kepada peruntukan **Akta Perkhidmatan Kewangan 2013** dan **Notis Polisi Pentadbiran Pertukaran Asing** yang dikeluarkan di bawahnya termasuk definisi Pemastautin.
2. Perkongsian Liabiliti Terhad, Perkongsian, Perkongsian Tidak Diperbadankan, Pengamal Profesional, Kelab, Pertubuhan, Persatuan, Sekolah, Syarikat, Organisasi Bukan Untung dan entiti perniagaan yang lain tidak layak membuka atau mengendalikan Akaun tersebut.
3. Deposit permulaan minimum untuk membuka Akaun ialah **Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50)**.
4. Pencadang tidak diperlukan untuk membuka Akaun dan tiada Buku Akaun akan dikeluarkan.

Penukaran Produk kepada Akaun Hong Leong Pay&Save

5. Setiap Pemegang Akaun hanya layak mengendalikan sama ada **satu (1)** Akaun Hong Leong SmartLink atau **satu (1)** Akaun Hong Leong Pay&Save.
6. Akaun Hong Leong SmartLink telah dihentikan berkuatkuasa **11 Oktober 2012** dan **tidak lagi ditawarkan** untuk Pemegang Akaun baru. Walaubagaimanapun, pemegang Akaun Hong Leong SmartLink sedia ada akan terus menikmati keistimewaan dan manfaat produk Hong Leong SmartLink.
7. Jenis-jenis akaun yang berikut layak untuk penukaran kepada Akaun dengan syarat Akaun sedia ada tidak mempunyai kemudahan overdraf:
 - o Akaun Hong Leong SmartLink
 - o Akaun Semasa Asas Hong Leong
 - o Akaun Semasa Hong Leong

Pemegang Akaun layak mendapat Faedah Simpanan, Faedah e-Xtra, Faedah Bonus Kad Debit dan Faedah Bonus Dagangan Saham apabila menukar kepada Akaun tertakluk kepada pematuhan dan pemenuhan terma dan syarat yang dinyatakan di sini..

Pengeluaran tunai dari Mesin Juruwang Automatik (“ATM”)

8. Pemegang Akaun dikehendaki memilih "Akaun Semasa" atau "Akaun Semakan" semasa membuat pengeluaran tunai Akaun daripada ATM:
 - (a) dipasang oleh HLB atau mana-mana ahli Rangkaian ATM Kongsi (Shared ATM Network (SAN)); dan/atau
 - (b) ditetapkan oleh HLB atau Visa/Mastercard.

Faedah Simpanan

9. Pemegang Akaun layak mendapat Faedah Simpanan ("**Faedah Simpanan**") sekiranya Pemegang Akaun telah meletakkan deposit minimum sebanyak **Ringgit Malaysia Dua Ribu (RM2,000)** dalam transaksi tunggal (termasuk pemindahan QR) ke dalam Akaun untuk **tiga (3)** bulan kalendar berturut-turut seperti yang diilustrasikan oleh Suku Tahun masing-masing dalam Jadual 2 di bawah, tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung di sini.
10. Deposit minimum **Ringgit Malaysia Dua Ribu (RM2,000)** ditakrifkan sebagai sebarang peletakan ke dalam Akaun pada bulan tersebut dengan pengecualian yang berikut:
 - Pengeluaran matang atau pra-matang Deposit Tetap/Deposit Tetap-i ("**FD/FD-i**") daripada mana-mana akaun HLB / Hong Leong Islamic Bank Berhad ("**HLISB**") sedia ada;
 - Pemindahan dana intra-bank iaitu pemindahan dana dari akaun HLB/HLISB yang lain (sama ada Akaun Simpanan, Akaun Simpanan-i, Akaun Semasa, Akaun Semasa-i, Deposit Tetap, Deposit Tetap-i, Akaun Pelaburan Berjangka-i dan Akaun Pelaburan Am ("**GIA**"));
 - Perolehan daripada penebusan ekuiti, dana unit amanah, bon/sukuk dan/atau Hong Leong Invest Safe yang didepositkan semula ke dalam mana-mana Akaun Semasa/Akaun Semasa-i atau Akaun Simpanan/Akaun Simpanan-i ("**CASA/CASA-i**") Pemegang Akaun;
 - Sebarang transaksi kewangan yang tidak berjaya atau yang dibalikkan ke dalam Akaun.
11. Faedah Simpanan dikira dan diakru setiap hari berdasarkan baki akhir harian apabila Pemegang Akaun memenuhi dan mencapai:
 - 11.1. kriteria yang ditetapkan dalam Klausa 9 dan Klausa 10 di atas; dan
 - 11.2. Baki Akhir Harian Minimum dan Baki Akhir Harian Maksimum masing-masing seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1

Jenis Pelanggan	Baki Akhir Harian Minimum	Baki Akhir Harian Maksimum
Individu	Ringgit Malaysia Seribu (RM1,000)	Ringgit Malaysia Seratus Ribu (RM100,000)
Pemilik Tunggal	Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000)	Ringgit Malaysia Seratus Ribu (RM100,000)

12. Pengkreditan Faedah Simpanan adalah pada Tarikh Pengkreditan masing-masing berdasarkan pecahan bulan bagi setiap Suku Tahun seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2 di bawah:

Jadual 2

Suku Tahun	Pecahan Bulanan	Tarikh Perkreditan
Suku Pertama	1 Januari sehingga 31 Mac	1 April
Suku Kedua	1 April sehingga 30 Jun	1 Julai
Suku Ketiga	1 Julai sehingga 30 September	1 Oktober
Suku Keempat	1 Oktober sehingga 31 Disember	1 Januari

13. Sekiranya Akaun ditutup sebelum tarikh perkreditan Faedah yang berikutnya, tiada Faedah Simpanan akan dibayar untuk suku tahun tersebut.
14. Kadar Faedah Simpanan yang terkini boleh didapati di laman sesawang korporat HLB www.hlb.com.my ("**Laman Sesawang HLB**").

Faedah e-Xtra

15. Tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung di sini, Pemegang Akaun layak mendapat faedah tambahan setiap bulan ("**Faedah e-Xtra**") sekiranya Pemegang Akaun telah membuat Bayaran Bil Layak dengan amaun minimum agregat **Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500)** daripada Akaun.
16. "**Bayaran Bil Layak**" adalah bermaksud transaksi pembayaran yang dibuat daripada Akaun melalui *Hong Leong Connect Online Banking* dan *HLB Connect App* ("**HLB Connect**") kepada pihak-pihak berikut:
 - Pengebil yang disenaraikan di dalam HLB Connect;
 - Pengebil JomPAY;
 - Pedagang/pengebil berdaftar dengan FPX (Direct Debit); dan
 - Kad Kredit HLB, HLB/HLISB Pinjaman/ Pembiayaan Peribadi, Pinjaman/ Pembiayaan Perumahan, Pinjaman/ Pembiayaan Kenderaan dan Pembiayaan ASB-i.
17. Amaun maksimum Faedah e-Xtra dihadkan pada **Ringgit Malaysia Tiga Puluh (RM30)** sebulan.
18. Faedah e-Xtra dikira berdasarkan **Baki Purata Harian ("DAB")** Akaun pada akhir bulan dan dikreditkan ke dalam Akaun setiap **1 haribulan (1 hb.)** bulan berikutnya ("**Tarikh Pengkreditan Faedah e-Xtra**"). Di bawah adalah formula pengiraan Faedah e-Xtra:

$$\text{Faedah e-Xtra} = \text{DAB} \times \text{Masa (T)} \times \text{Kadar (R)}$$

Nota:

DAB = Jumlah baki akhir harian dalam bulan tersebut / Jumlah Bilangan hari dalam bulan tersebut

Masa (T) = Bilangan hari dalam bulan tersebut / Bilangan hari dalam setahun berdasarkan 365 hari setahun

Kadar (R) = Kadar Faedah e-Xtra

19. Bayaran Bil Layak yang tidak berjaya atau dipulangkan tidak akan diambil kira dalam pengiraan Faedah e-Xtra. Sekiranya Akaun ditutup sebelum Tarikh Pengkreditan Faedah e-Xtra yang berikutnya, Faedah e-Xtra yang telah diakru akan terbatal.
20. Kadar Faedah e-Xtra yang terkini boleh didapati di Laman Sesawang HLB.

Faedah Bonus Kad Debit

21. Tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung di bawah, Pemegang Akaun layak mendapat Faedah Bonus ("**Faedah Bonus Kad Debit**") sekiranya Pemegang Akaun telah membuat Transaksi Layak seperti ditakrifkan di dalam klausa 23 di bawah dengan amaun kumulatif minimum **Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500)** menggunakan Kad Debit Hong Leong ("**Kad Debit**").
22. Jumlah maksimum Faedah Bonus Kad Debit dihadkan pada **Ringgit Malaysia Tiga Puluh (RM30)** sebulan.
23. Transaksi runcit Kad Debit yang layak mendapat Faedah Bonus Kad Debit dinyatakan dalam Jadual 3 di bawah ("**Transaksi Layak**"):

Jadual 3

No.	Transaksi Layak	Jumlah Faedah Bonus Kad Debit Maksimum setiap bulan
1	Petrol	RM30
2	Membeli-belah	
3	Keperluan Dapur	
4	Restoran	
5	Lain-lain penggunaan Kad Debit	

24. Transaksi Layak berjaya akan direkodkan di dalam sistem HLB dan sebarang pemulangan transaksi runcit Kad Debit tidak layak untuk pengiraan Faedah Bonus Kad Debit.
25. Tarikh rekod Transaksi Layak akan digunakan untuk pengiraan jumlah perbelanjaan Transaksi Layak menggunakan Kad Debit setiap bulan kalendar.
26. Untuk mengelakkan keraguan, jika tarikh dan masa Transaksi Layak direkodkan dalam sistem HLB berbeza daripada transaksi runcit sebenar yang dilakukan oleh Pemegang Akaun Pemegang Kad Debit, tarikh dan masa yang direkod dalam sistem HLB akan diguna pakai.
27. Faedah Bonus Kad Debit dikira berdasarkan Baki Purata Harian Akaun ("**DAB**") Akaun pada akhir bulan.
28. Faedah Bonus Kad Debit akan dikreditkan pada **1 haribulan (1 hb.)** dalam bulan berikutnya ke dalam Akaun. Di bawah adalah formula pengiraan Faedah Bonus Kad Debit:

$$\text{Faedah Bonus Kad Debit} = \text{DAB} \times \text{Masa (T)} \times \text{Kadar (R)}$$

Nota:

- DAB = Jumlah baki akhir harian dalam bulan tersebut / Jumlah Bilangan hari dalam bulan tersebut
- Masa (T) = Bilangan hari dalam bulan tersebut / Bilangan hari dalam setahun berdasarkan 365 hari setahun
- Kadar (R) = Kadar Faedah Bonus Kad Debit

29. Transaksi Layak yang tidak berjaya atau dipulangkan tidak akan diambil kira dalam pengiraan Faedah Bonus Kad Debit. Sekiranya Akaun ditutup sebelum tarikh pengkreditan Faedah Bonus Kad Debit yang berikutnya, Faedah Bonus Kad Debit yang telah diakru akan terbatal.
30. Kadar Faedah Bonus Kad Debit yang terkini boleh didapati di Laman Sesawang HLB.

Ciri Dagangan Sekuriti

Berikut merupakan terma, syarat dan takrifan tertentu yang akan terpakai kepada Pemegang Akaun yang telah memohon untuk Ciri Dagangan Sekuriti ("**Terma dan Syarat Dagangan Sekuriti**"). Sekiranya terdapat sebarang konflik atau ketidakselarasan di antara Terma dan Syarat Dagangan Sekuriti dan T&S ini, Terma dan Syarat Dagangan Sekuriti akan terpakai.

Untuk mengelakkan keraguan, faedah bonus dagangan sekuriti tidak terpakai bagi pemilik tunggal.

31. Ciri Dagangan Sekuriti hanya akan dibenarkan untuk Pemegang Akaun yang telah memenuhi syarat-syarat berikut:
 - 30.1 Pemegang Akaun telah mendaftar untuk HLB Connect dan telah memohon untuk Ciri Dagangan Sekuriti;
 - 30.2 Pemegang Akaun telah membuka Akaun Dagangan ("**Akaun Dagangan**") dengan Hong Leong Investment Bank Berhad ("**HLIB**") melalui HLB dan akaun Pusat Sistem Depositori ("**Akaun CDS**") melalui HLIB yang akan dihubungkan kepada Akaun untuk tujuan dagangan sekuriti di Bursa Malaysia Securities Berhad ("**Bursa Malaysia**") dan/atau bursa sekuriti yang diluluskan yang lain sebagaimana yang ditentukan oleh HLB dari semasa ke semasa ("**Sekuriti Yang Diluluskan**");
 - 30.3 Akaun tersebut akan dihubungkan kepada Akaun Dagangan dan Akaun CDS; dan
 - 30.4 Semua urusan niaga Sekuriti Yang Diluluskan akan dilaksanakan melalui HLIB dengan menggunakan perkhidmatan pelabur elektronik HLIB yang dikenali sebagai HLeBroking ("**Perkhidmatan HLeBroking**") dan diakses melalui HLB Connect. Pautan ke Perkhidmatan

HLeBroking akan tersedia di HLB Connect sebagai cara alternatif untuk Pemegang Akaun mengakses Perkhidmatan HLeBroking.

32. Setiap belian Sekuriti Yang Diluluskan oleh Pemegang Akaun dengan menggunakan Akaun Dagangan yang dibuka menurut Klausula 31.2 di atas adalah tertakluk kepada Dana Yang Tersedia (seperti yang ditakrifkan dalam Klausula 33 di bawah).
33. **Dana Yang Tersedia** adalah bermaksud jumlah wang yang ada di dalam Akaun dan tersedia untuk digunakan oleh Pemegang Akaun, termasuk penggunaan Dana Yang Tersedia untuk tujuan pembelian Sekuriti Yang Diluluskan melalui HLIB.
34. Dana Yang Tersedia di dalam Akaun akan dikendalikan secara berikut:
 - 34.1. Had Dagangan untuk pembelian Sekuriti Yang Diluluskan
 - 33.1.1 Had dagangan yang tersedia kepada Pemegang Akaun untuk membeli Sekuriti Yang Diluluskan melalui Perkhidmatan HLeBroking adalah dikira dan ditentukan oleh HLB, berdasarkan Dana Yang Tersedia ("**Had Dagangan**") dengan mengambil kira anggaran komisen pembrokeran dan kos-kos lain yang berkaitan dengan pembelian Sekuriti Yang Diluluskan ("**Kos Transaksi**").
 - 33.1.2 Had Dagangan akan dipinda dari semasa ke semasa berdasarkan baki kredit yang tersedia di dalam Akaun serta pengiraan dan penentuan Had Dagangan oleh HLB adalah yang terakhir dan muktamad.
 - 33.1.3 Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa sekuriti yang dijual oleh Pemegang Akaun dengan menggunakan Akaun Dagangan tidak akan diambil kira oleh HLB dalam menentukan Had Dagangan sebelum tarikh penyelesaian jualan tersebut.
 - 33.1.4 Tanpa prejudis kepada hak pengiraan dan penentuan HLB sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, semua amaun yang diperuntukkan untuk pembelian apa-apa Sekuriti Yang Diluluskan (termasuk Kos Transaksi berbayar) dan/atau apa-apa transaksi perbankan yang lain (termasuk perbelanjaan runcit melalui Kad Debit) akan ditolak daripada dan tidak boleh menjadi sebahagian daripada Dana Yang Tersedia bagi pengiraan Had Dagangan.
 - 34.2. Peruntukan untuk pesanan belian
 - 34.2.1. Dana Yang Tersedia akan diperuntukkan sebaik sahaja pesanan belian untuk Sekuriti Yang Diluluskan dibuat, di mana amaun yang diperuntukkan adalah bersamaan dengan jumlah harga belian Sekuriti Yang Diluluskan dan Kos Transaksi. Amaun yang diperuntukkan tidak akan tersedia untuk pengeluaran dan/atau pemindahan oleh Pemegang Akaun sehingga tarikh penyelesaian menurut Peraturan Sistem Penyerahan dan Penyelesaian Tetap Bursa Malaysia ("**Peraturan FDSS**"), di mana:
 - (a) ia akan digunakan untuk penyelesaian harga belian dan Kos Transaksi Sekuriti Yang Diluluskan yang dibeli; atau
 - (b) peruntukan akan dilepaskan sekiranya pesanan belian tidak berjaya dipadankan.
 - 34.3. Penyelesaian Dagangan
 - 34.3.1. Pada tarikh penyelesaian menurut Peraturan FDSS, HLB dengan ini diberi kuasa oleh Pemegang Akaun untuk menggunakan amaun yang diperuntukkan menurut Klausula 34.2.1 seperti berikut:
 - a) bagi penyelesaian semua kontrak belian di bawah Akaun Dagangan; dan/atau
 - b) bagi penyelesaian kontrak belian di mana kaunter yang akan diserahkan untuk kontrak belian yang telah dilaksanakan, digantung daripada dagangan oleh badan kawal selia yang berkaitan.

- 34.3.2. Sekiranya amaun yang diperuntukkan tidak mencukupi untuk penyelesaian semua kontrak belian, Pemegang Akaun mesti menyelesaikan perbezaan di antara harga belian dan Kos Transaksi Sekuriti Yang Diluluskan yang dibeli ("**Jumlah Perbezaan**") sebelum HLB mengirim amaun yang diperuntukkan tersebut kepada HLIB.
- 34.3.3. Sekiranya HLB dinasihati oleh HLIB akan adanya kerugian kontra, nota debit dan perbelanjaan yang ditanggung secara munasabah yang berkaitan dengan dan mematuhi terma dan syarat yang mentadbir Akaun Dagangan ("**Kerugian Kontra/Nota Debit**"), HLB dengan ini diberi kuasa oleh Pemegang Akaun untuk mendebit Akaun Pemegang Akaun untuk Kerugian Kontra/Nota Debit tersebut sebagaimana yang dinasihati oleh HLIB kepada HLB tanpa perlu mendapatkan keizinan bertulis terlebih dahulu daripada Pemegang Akaun.
- 34.3.4. Semua hasil jualan yang diterima untuk Akaun Dagangan akan dikreditkan ke dalam Akaun menurut Peraturan FDSS. Sekiranya HLB dinasihati oleh HLIB akan adanya keuntungan kontra, keuntungan kontra tersebut akan dikreditkan ke dalam Akaun tidak lewat daripada **tiga (3)** hari daripada tarikh kontra.
35. Apabila memperuntukkan Dana Yang Tersedia sebaik sahaja pesanan belian dibuat oleh Pemegang Akaun untuk belian Sekuriti Yang Diluluskan, HLB tidak akan bertanggungjawab untuk memeriksa dan memastikan bahawa terdapat wang yang mencukupi di dalam Akaun selepas peruntukkan dana tersebut bagi memenuhi apa-apa Arahan Tetap yang telah diatur oleh Pemegang Akaun. Pemegang Akaun adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan terdapat wang yang mencukupi di dalam Akaun untuk memenuhi kewajipan apa-apa Arahan Tetap yang telah diberikan kepada HLB dan HLB tidak akan bertanggungjawab dan tidak akan tertakluk kepada apa-apa tuntutan, kerugian, liabiliti, kewajipan, denda, kos dan perbelanjaan akibat atau berkaitan dengan Arahan Tetap yang tidak berjaya.
36. Hanya untuk dan kecuali pindaan berikut yang terpakai ke atas Akaun, Terma dan Syarat Am Akaun HLB akan terpakai ke atas Akaun:
- 36.1. Pengendalian Akaun yang dipegang secara bersama oleh **dua (2)** atau lebih individu adalah berdasarkan bahawa mana-mana Pemegang Akaun boleh mengendalikan Akaun pada bila-bila masa; dan
- 36.2. Tiada fasiliti cek akan disediakan untuk Akaun. Walau bagaimanapun, pengecualian boleh dibuat berdasarkan kes ke kes.
37. Pemegang Akaun yang telah berjaya mendaftar dan melanggan Ciri Dagangan Sekuriti dengan ini memberi kuasa yang tidak boleh ditarik balik dan membenarkan HLB, pegawai dan kakitangannya untuk mendedahkan dan menyediakan semua maklumat berkaitan Akaun kepada HLIB untuk memudahkan urusan niaga Sekuriti Yang Diluluskan menurut arahan Pemegang Akaun serta memudahkan pengendalian Akaun Dagangan dan Akaun CDS menurut Ciri Dagangan Sekuriti.

Faedah Bonus Dagangan Saham

38. Pemegang Akaun layak mendapat faedah bonus dagangan saham ("**Faedah Bonus Dagangan Saham**") akan dengan syarat Pemegang Akaun telah membuat sekurang-kurangnya **satu (1)** belian atau jualan Sekuriti Yang Diluluskan yang berjaya dengan menggunakan Akaun Dagangan, tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung di sini.

39. Faedah Bonus Dagangan Saham atas baki kredit yang tersedia di dalam akan dikira secara berperingkat berdasarkan jumlah amaun dagangan oleh Pemegang Akaun dalam bulan kalendar ("**Jumlah Amaun Dagangan Bulanan**" atau "**MTA**").

Nota:

MTA dikira seperti berikut:

- (i) Untuk transaksi *Belian*:
MTA = [Unit x Harga Belian] + Kos Transaksi
- (ii) Untuk transaksi *Jualan*:
MTA = [Unit x Harga Jualan] - Kos Transaksi
40. Semakin banyak MTA yang dibuat dalam sebulan, semakin tinggi Faedah Bonus Dagangan Saham yang diperolehi atas baki kredit di dalam Akaun.
41. Faedah Bonus Dagangan Saham dikira berdasarkan DAB Akaun pada akhir bulan setiap bulan seperti formula di bawah:

$$\text{Faedah Bonus Dagangan Saham} = \text{DAB} \times \text{Masa (T)} \times \text{Kadar (R)}$$

Nota:

- DAB = Jumlah baki akhir harian dalam bulan tersebut / Jumlah Bilangan hari dalam bulan tersebut
- Masa (T) = Bilangan hari dalam bulan tersebut / Bilangan hari dalam setahun, berdasarkan 365 hari setahun
- Kadar (R) = Kadar Faedah Bonus Dagangan Saham berdasarkan MTA pada akhir bulan
42. Kadar Faedah Bonus Dagangan Saham yang terkini boleh didapati di Laman Sesawang HLB.
43. Faedah Bonus Dagangan Saham dikira pada akhir bulan dan dikreditkan setiap **1 haribulan (1hb.)** bulan berikutnya ke dalam Akaun.
44. Sekiranya Akaun ditutup sebelum tarikh pengkreditan kadar Faedah Bonus Dagangan Saham yang berikutnya, semua faedah yang telah diakru akan terbatal.

Ciri Pelbagai Matawang ("MCF")

Berikut merupakan terma, syarat dan takrifan tertentu yang akan terpakai pada Pemegang Akaun yang mengaktifkan Ciri Pelbagai Matawang ("**MCF**") ("**MCF Terma dan Syarat**").

45. **Ciri Pelbagai Matawang atau "MCF"** merujuk kepada matawang asing yang disimpan di dalam Akaun yang diluluskan oleh HLB untuk MCF yang membolehkan Pemegang Akaun untuk:
- (a) menyimpan matawang asing yang diluluskan oleh HLB dari semasa ke semasa;
 - (b) menukar Ringgit Malaysia ke matawang asing atau sebaliknya dalam Akaun Aktif MCF (seperti ditakrifkan di bawah) melalui cawangan HLB atau HLB Connect;
 - (c) menukar satu matawang asing ke matawang asing yang lain di dalam Akaun Aktif MCF (seperti yang ditakrifkan di bawah) melalui cawangan HLB atau HLB Connect;
 - (d) mengeluarkan mata wang asing daripada Akaun Aktif MCF (seperti yang ditakrifkan di bawah) Pemegang Akaun dari ATM di luar negara;
 - (e) menerima matawang asing ke dalam Akaun melalui Pemindahan Masuk Telegraf;
 - (f) memindahkan mata wang asing daripada Akaun Pemegang Akaun melalui Pemindahan Keluar Telegrafik melalui cawangan HLB/HLISB atau HLB Connect; dan

- (g) pemindahan dana intra bank dalam mata wang asing yang sama antara Akaun dan Akaun Matawang Asing Pemegang Akaun.

Untuk mengelakkan keraguan, MCF hanya tersedia untuk Akaun Aktif MCF seperti yang ditakrifkan di bawah) yang dipegang oleh Pemegang Akaun tunggal. Matawang asing terkini yang telah diluluskan untuk MCF boleh didapati di Laman Sesawang HLB.

"**Akaun Aktif MCF**" bermaksud Akaun kepunyaan Pemegang Akaun yang MCF telah Aktif.

46. Kecuali bagi klausa 45 (f) dan klausa 45 (g), matawang asing yang disimpan tidak boleh dipindah milik terus dari Akaun Aktif MCF melalui pemindahan dana Inter atau Intra bank, kepada akaun HLB / HLISB dan bukan HLB / HLISB lain (sama ada Simpanan, Simpanan-i, Semasa, Semasa-i, Deposit Tetap, Deposit Tetap-i, Akaun Berjangka Pelaburan-i atau Akaun Pelaburan Am-i ("**GIA**").
47. Matawang asing yang disimpan dengan Akaun Aktif MCF beroperasi tanpa tunai. Tiada penerimaan matawang asing secara fizikal melalui mana-mana saluran kepada Pemegang Akaun yang dikreditkan ke Akaun Aktif MCF.
48. Mata wang tersedia berkenaan dengan MCF ditentukan oleh HLB dari semasa ke semasa. Sekiranya HLB memperkenalkan matawang asing baharu, Terma dan Syarat MCF ini akan terpakai untuk matawang baru tersebut. Sebarang variasi atau pengenalan matawang baharu boleh didapati di Laman Sesawang HLB.
49. HLB bukanlah platform dagangan matawang. Semua Pemegang Akaun dinasihatkan supaya tidak menggunakan atau menyalahgunakan perkhidmatan HLB, termasuk Akaun Aktif MCF untuk tujuan menjalankan perdagangan mata wang.
50. Pemegang Akaun mengakui dan bersetuju bahawa terdapat risiko yang terlibat dalam urus niaga matawang asing termasuk tetapi tidak terhad kepada risiko turun naiknya kadar pertukaran, penilaian dan penurunan nilai mata wang, cukai, pemindahan bukan sukarela atau perubahan dalam dasar pemerintahan atau sebab lain di luar kawalan HLB.
51. Pemegang Akaun bersetuju bahawa HLB berhak untuk melakukan penukaran atau penukaran semula matawang seperti yang disyaratkan oleh undang-undang, sebarang peraturan dan undang-undang yang tersedia ada dan/atau HLB untuk pembayaran, pemotongan, dan / atau penahanan sebarang yuran, caj, cukai atau pungutan. HLB tidak akan bertanggungjawab kepada Pemegang Akaun atau pihak lain atas segala kerugian yang dialami atau ditanggung oleh Pemegang Akaun atau pihak lain untuk sebarang penukaran atau penukaran semula tersebut menurut Klausa 47 ini.
52. MCF diklasifikasikan sebagai Akaun Pelaburan Mata Wang Asing. Untuk butiran, sila rujuk kepada Notis Polisi Pertukaran Asing (Peraturan Terpakai kepada Pemastautin) Helaiian Fakta Individu.
53. HLB tidak akan bertanggungjawab atau tidak bertanggung di atas pengurangan nilai matawang deposit kerana cukai, penyamaran, susut nilai atau penurunan nilai, atau untuk ketiadaan matawang apa pun kerana sekatan ke atas pertukaran, permintaan, pemindahan secara bukan sukarela, penggunaan kuasa tentera atau rampasan kuasa, atau sebab-sebab lain yang berada di luar kawalan HLB.
54. Untuk Akaun Aktif MCF yang dianggap dorman, sebelum dana dipindahkan ke Pendaftar Wang Tidak Dituntut seperti yang diperuntukkan di dalam Akta Wang Tidak Dituntut 1965, semua mata wang asing yang terdapat dalam Akaun Aktif MCF akan ditukar ke Ringgit Malaysia berdasarkan kadar pertukaran asas **dua (2)** hari kalendar sebelum pemindahan dilakukan.

Fi & Caj dan Kadar Berlebihan

55. Fi dan caj standard Akaun, Kad Debit dan Kadar Berlebihan adalah terpakai dan boleh didapati di Laman Sesawang HLB

Akaun	Kad Debit	Kadar Berlebihan
www.hlb.com.my/depositcharges 	www.hlb.com.my/dc1 	www.hlb.com.my/excess 

Penyata Akaun

56. Penyata akaun akan dikeluarkan pada setiap bulan

Ciri-Ciri Produk Variasi

57. HLB berhak untuk meminda, mengubah atau mengubah mana-mana ciri produk untuk Akaun ini pada bila-bila masa mengikut Klausula 58 terma dan syarat ini.

Umum

58. Pindaan: HLB mempunyai hak pada bila-bila masa dengan memberi notis **dua puluh satu (21)** hari kalendar terlebih dahulu untuk menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda terma dan syarat yang terkandung di sini, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, menurut budi bicaranya yang mutlak dengan menyiarkannya di Laman Sesawang HLB atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh HLB. Pemegang Akaun bersetuju untuk mengakses laman sesawang tersebut dari semasa ke semasa untuk menyemak terma dan syarat dan memastikan supaya apa-apa perubahan atau pindaan kepada terma dan syarat sentiasa diikuti.

59. Penyalahgunaan Akaun: Semua Pemegang Akaun diingatkan untuk sentiasa melindungi akaun mereka dan jangan sekali-kali membenarkannya digunakan oleh sesiapa selain daripada mereka sendiri. Sebarang penyalahgunaan akaun boleh atau boleh membawa kepada tindakan undang-undang.

Ahli PIDM. Akaun Hong Leong Pay&Save dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai terma dan syarat dan/atau memerlukan Salinan terma dan syarat dalam versi Bahasa Malaysia, sila e-mel kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my atau hubungi 03-76268899.